




**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)**  
**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI &  
INOVASI**  
*(MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY &  
INNOVATION)*  
**BATU 24, JALAN DENGKIL**  
**43800 DENGKIL.**  
**SELANGOR**



03 JANUARI 2011  
NOTIS PEMBERITAHUAN AELB  
Bil. 01/2011

## **PERLAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN PERLESENAN TENAGA ATOM (PERLINDUNGAN SINARAN KESELAMATAN ASAS) 2010**

### **TUJUAN**

1. Tujuan notis pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua pemegang lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) mengenai perlaksanaan Peraturan-Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 {P.U. (A) 46}.

### **LATAR BELAKANG**

2. Bagi melindungi orang awam, pekerja dan alam sekitar daripada bahaya sinaran mengion, pada tahun 1988, Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Standard Keselamatan Asas) 1988 {P.U.(A) 61} telah diwartakan dan digunakan. Peraturan-Peraturan ini adalah terpakai untuk semua aktiviti yang melibatkan penggunaan aplikasi sinaran mengion dalam pelbagai bidang di Malaysia. Keperluan perundangan berkaitan keselamatan sinaran di bawah Akta 304 diperjelaskan melalui Peraturan-Peraturan ini yang merangkumi semua aspek perlindungan daripada bahaya sinaran kepada orang awam, pekerja dan alam sekitar.

3. Selaras dengan komitmen Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) selaku badan yang bertanggungjawab dalam mengawal dan mengawalselia penggunaan tenaga atom di Malaysia, Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Standard Keselamatan Asas) 1988 telah disemak semula dan digantikan dengan Peraturan-Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 yang **mula berkuatkuasa pada 15 Februari 2010**.

## **ARAHAN AELB**

5. Pemakaian Peraturan-Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 ini akan dilaksanakan secara berperingkat kepada semua pemegang lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam **Peraturan 79** iaitu seperti berikut:

5.1. Semua **pemegang lesen sedia ada** (iaitu lesen yang dikeluarkan sebelum 15 Februari 2010) yang masih mempunyai lesen yang sah semasa Peraturan-Peraturan ini mula dikuatkuasakan diberi tempoh sehingga **14 Februari 2012 untuk mematuhi semua keperluan Peraturan-Peraturan tersebut**, dan

5.2 **Pemegang lesen yang baru** (iaitu lesen yang dikeluarkan selepas 15 Februari 2010) dikehendaki **untuk mematuhi semua keperluan Peraturan-Peraturan tersebut serta merta mulai tarikh Peraturan-Peraturan ini dikuatkuasakan.**

6. Walau bagaimanapun, pemegang lesen sedia ada digalakkan supaya dari semasa ke semasa untuk mempraktiskan kehendak Peraturan-Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 ini semasa berurusan dengan sinaran mengion.

## **PENUTUP**

7. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan notis pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah;

Pengarah  
Bahagian Dasar, Kod & Standard  
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi  
Batu 24, Jalan Dengkil  
43800 Dengkil  
Selangor Darul Ehsan.

No. Telefon :03-89225888  
No.Faks :03-89223685  
E-mail :pbs@aelb.gov.my  
Laman Web :<http://wwwaelb.gov.my>